
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

HSC 224 – Sejarah Asia Timur

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Sekurang-kurangnya SATU soalan tetapi tidak lebih daripada DUA soalan mestilah dijawab daripada bahagian A.

...2/-

BAHAGIAN A

1. Sejauh manakah pensejarahan tradisional Jepun berbeza daripada pensejarahan tradisional China?
2. "Jepun adalah suatu budaya yang mengutamakan tentera dan ketenteraan manakala China pula adalah budaya yang mengutamakan sarjana dan kesarjanaan". Nilaiikan pandangan ini dengan merujuk kepada perkembangan sehingga kurun ke-18 Masihi.
3. "Oleh kerana Jepun banyak menerima pengaruh daripada China, sifat dan sejarah feudalisme di Jepun tidak banyak berbeza daripada sifat dan sejarah feudalisme di China". Bahaskan.

BAHAGIAN B

4. "Zaman Ch'un Ch'iu dan Chan Kuo (770 SM - 221 SM) dan zaman antara Han dan Sui (220M-589M) adalah zaman perpecahan politik dan keruntuhan tamadun di China. Tiada perkembangan positif berlaku di China dalam kedua-dua tempoh itu". Ulaskan.
5. Nilaiikan peranan wangsa-wangsa Ch'in dan Sui dalam pembentukan negara dan budaya China sebelum kurun ke-8 Masihi.
6. "Orang bukan Cina di China sentiasa dikuasai oleh orang Cina. Mereka tidak pernah menyumbang kepada keutuhan tamadun dan politik negara China." Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?
7. "Maharaja Jepun dikatakan berasal daripada keturunan Dewi Matahari. Oleh hal yang demikian, kedudukan dan kuasa baginda mutlak dan tidak pernah diganggu." Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada tempoh dari kurun ke-9 hingga kurun ke-16 Masihi.

- ooo 0 ooo -

176